



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SENTUL

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN LIMA
PEJABAT PELAJARAN DAERAH SENTUL
TAHUN 2024

PERATURAN PEMARKAHAN
SEJARAH
Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Skuad Perwira PPD Sentul**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **22** halaman bercetak

Soalan	Kod	Perincian	Markah
1	Maklumat berikut berkaitan perkembangan nasionalisme di Barat.		
(a)		<i>Bagaimanakah rakyat Amerika menentang penjajahan British di negara tersebut?</i>	
	F1	Rakyat menentang akta yang diperkenalkan untuk memungut cukai di jajahan tersebut	1
	C1	Akta Pelayaran/ Akta Gula/ Akta Setem/ Akta Teh	1
	F2	Rakyat melaungkan slogan ‘tiada cukai tanpa perwakilan’	1
	F3	Tiada wakil Amerika dalam Parlimen British	1
	F4	Menubuhkan kongres yang diketuai oleh George Washington	1
	F5	Mengisytiharkan perang terhadap British untuk memperjuangkan kemerdekaan Amerika	1
	F6	Kongres meluluskan Perisytiharan Perang Kemerdekaan Amerika yang ditulis oleh Thomas Jefferson 1776	1
	F7	Rakyat menuntut sekiranya sesebuah kerajaan tidak dapat menjamin hak kehidupan/ kebebasan/ kebahagiaan, maka menjadi hak rakyat untuk membentuk kerajaan baharu	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]
(b)		<i>Huraikan gerakan nasionalisme antiraja di Barat.</i>	
	F1	Revolusi Keagungan 1688	1
	H1a	Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat	1
	H1b	Tercetus berikutan pemerintahan Raja James II	1
	H1c	Membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang	1
	H1d	Ahli parlimen menentang raja berkuasa mutlak	1
	H1e	Raja James II lari ke Perancis/ peralihan kuasa berlaku tanpa pertumpahan darah	1
	H1f	Kedaulatan parlimen/ sistem raja berperlembagaan dimantapkan	1
	F2	Revolusi Perancis	1
	H2a	Memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan	1
	H2b	Mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan	1
	H2c	Suara rakyat digelar hasrat umum yang merupakan kata sepakat	1
	H2d	Sasaran golongan revolusi adalah pemerintahan autokratik Raja Louis XVI dan golongan bangsawan	1
	H2e	Golongan ini memonopoli pelbagai keistimewaan	1
	H2f	Rakyat terbeban dengan pelbagai cukai	1
	H2g	Golongan revolusi serang penjara Bastille/ bebas tahanan/ guling Raja Louis XVI	1
	H2h	Terbentuknya Republik Perancis	1
	H2i	Menamatkan sistem beraja di Perancis	1
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]

(c)		<i>Teliti maklumat dalam petikan tersebut. Berilah ulasan anda.</i>	
	U1	Setelah negara bangsa merdeka, semangat nasionalisme berperanan penting untuk mengukuhkan/ mempertahankan kedaulatan	1
	U2	Nasionalisme membentuk identiti	1
	U3	Nasionalisme membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing	1
	U4	Nasionalisme memperkukuh perpaduan dalam masyarakat yang pernah merasai zaman penjajahan	1
	M1	Setiap rakyat perlu menyemai semangat nasionalisme dalam diri mereka	1
	M2	Hal ini supaya dapat menguatkan jati diri sebagai warganegara yang cinta akan negara	1
	M3	Lahir semangat pengorbanan untuk negara dan bangsa	1
	M	<i>[Mana-mana jawapan berkaitan]</i>	
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]

2	Gambar berikut berkaitan kemusnahan bandar utama di Sabah selepas tentera Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua.		
(a)		<i>Nyatakan sebab penyerahan Sabah oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) kepada British selepas pendudukan Jepun.</i>	
	F1	Memenuhi Kepentingan British	1
	H1a	Perdana Menteri Britain, Clement Attlee menyelesaikan soal pemberian kemerdekaan	1
	H1b	Kepada Sri Lanka, India dan Burma	1
	H1c	Sabah sebuah negeri yang berpotensi menggantikan jajahan tersebut	1
	H1d	Membekalkan sumber bahan mentah	1
	H1e	Kawasan pasaran bagi barangan British	1
	F2	Meneruskan Dasar British dalam Hubungan Luar	1
	H2a	Sabah menjadi negeri naungan British	1
	H2b	British menguasai perhubungan luar negeri dan pertahanan Sabah	1
	F3	Masalah Kewangan SBUB	1
	H3a	Tentera Jepun telah memusnahkan Jesselton, Kudat dan Sandakan	1
	H3b	Memerlukan kos yang besar	1
	H3c	Tidak mampu ditanggung oleh SBUB bagi membangunkan Sabah	1
	H3d	Pihak syarikat kekurangan dana	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]
(b)		<i>Mengapakah penyerahan Sabah kepada kerajaan British tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatan?</i>	
	F1	Rakyat Sabah tidak menentang penyerahan Sabah kepada British	1
	F2	British menindas kegiatan berpersatuan	1
	F3	Sabah mempunyai pelbagai kumpulan etnik yang berbeza bahasa, budaya, sistem kepercayaan, petempatan dan kegiatan ekonomi	1
	F4	Keadaan ini menyukarkan pemimpin Sabah untuk menghimpunkan semua dalam satu pertubuhan	1
	F5	Organisasi ditubuhkan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan politik kaum bumiputera	1
	F6	Pemimpin persatuan bergiat aktif membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat setempat	1
	F7	British menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan	1
	F8	British memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif berpersatuan ke bandar lain	1
	F9	Kegiatan berpersatuan menjadi lemah kerana masalah kewangan/kekurangan pemimpin berkebolehan	1
	F10	British menghadkan peluang dalam pentadbiran	1
	F11	Menyebabkan penduduk Sabah kurang pengalaman dalam sistem birokrasi Barat	1
	F12	Kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan	1

	F13	Memberikan peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran/ memajukan bidang perniagaan/ meluaskan jaringan perdagangan	1
	F14	Dapat membangunkan Sabah selepas perang	1
	F15	Penduduk Sabah tidak memahami tujuan penyerahan	1
	F16	Dasar British yang menindas kesedaran nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan	1
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]
(c)		Mengapakah British berjaya menguasai Sabah dengan mudah?	
	F1	British sudah menguasai hubungan luar negeri/ pertahanan Sabah	1
	F2	SBUB sukar membangunkan kemusnahan akibat perang	1
	F3	SBUB kekurangan dana	1
	F4	Kebangkitan penduduk tempatan bagi menentang penyerahan sangat perlahan	1
	F5	Etnik yang berbeza dari segi bahasa / budaya / kepercayaan / petempatan / kegiatan ekonomi	1
	F6	Pemimpin sukar menyatupadukan rakyat	1
	F7	British menindas kegiatan berpersatuan	1
	F8	British menawarkan jawatan/ kenaikan pangkat/ memindahkan pemimpin	1
	F9	Kegiatan persatuan menjadi lemah	1
	F10	Kekurangan pemimpin/ mengalami masalah kewangan	1
	F11	Jarak yang jauh antara wilayah menyukarkan pergerakan pemimpin untuk menyebarkan kesedaran politik	1
	F12	Sabah lebih selesa di bawah British kerana tiada pengalaman dalam mentadbir negara atau berkerajaan sendiri	1
		[Mana-mana jawapan berkaitan]	
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]

3	Parti Komunis Malaya (PKM) meneruskan kegiatan mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia.		
(a)		Bagaimanakah ancaman tersebut berlaku?	
	F1	Pembunuhan anggota keselamatan	1
	F2	Melakukan serangan hendap terhadap pasukan keselamatan	1
	F3	Mengorbankan seramai 16 anggota keselamatan	1
	F4	Menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman Hashim dan Ketua Polis Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong	1
	F5	Mensasarkan orang awam / kemudahan awam	1
	F6	Wanita diseksa sehingga mati di Sintok, Kedah	1
	F7	Periuk api dipasang sepanjang Jalan Changlun, Kedah	1
	F8	Jalan raya dan jambatan kereta api diletupkan	1
	F9	Mengebom Tugu Negara di Kuala Lumpur	1
		(mana-mana 3 x 1m)	[3m]
(b)		Jelaskan usaha kerajaan Malaysia membanteras ancaman keselamatan tersebut?	
	F1	Melaksanakan strategi Counterinsurgency (COIN)	1
	H1a	Memenangi hati dan fikiran rakyat bagi menyokong dasar kerajaan	1
	H1b	Kerjasama antara pasukan keselamatan, ahli politik dan agensi kerajaan	1
	F2	Perjanjian Kerjasama Sempadan dengan Thailand	1
	H2a	Mengadakan persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Thailand	1
	H2b	Membina pagar sempadan / operasi bersama	1
	H2c	Perjanjian Hat Yai pada 2 Disember 1989	1
	H2d	PKM bersetuju membubarkan unit bersenjata serta memusnahkan segala senjata api, bahan letupan dan perangkap samar	1
		(mana-mana 3 x 1m)	[3m]

(c)		Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah kerajaan menfokuskan kepada pertahanan negara berbanding perkara lain?	
	F1	Mengukuhkan keselamatan negara	1
	F2	Mengelakkan pencerobohan musuh	1
	F3	Memastikan keamanan negara sentiasa terjaga	1
	F4	Mengukuhkan kestabilan politik negara	1
	F5	Mengawasi sempadan negara	1
	F6	Meningkatkan imej negara	1
	F7	Memperkuatkan aset ketenteraan	1
	F8	Meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap tugas dan tanggungjawab anggota tentera	1
	F9	Supaya orang awam tidak membocorkan sebarang rahsia pertahanan negara	1
	F10	Memperkuatkan kedaulatan negara	1
		[Mana-mana jawapan berkaitan]	
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]

4	Kerajaan Melayu Melaka menjalinkan hubungan dengan kerajaan-kerajaan lain sama ada di Alam Melayu atau luar Alam Melayu.		
(a)		<i>Nyatakan dua bentuk hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan luar.</i>	
	F1	Hubungan diplomatik	1
	F2	Hubungan perdagangan	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]
(b)		<i>Namakan dua kerajaan yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kesultanan Melayu Melaka.</i>	
	F1	China	1
	F2	Ryukyu	1
	F3	Siam	1
	F4	Makassar	1
	F5	Pasai	1
	F6	Turki	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]
(c)		<i>Jelaskan kepentingan Kerajaan Melayu Melaka menjalinkan hubungan luar pada abad ke-15.</i>	
	F1	Menjamin kestabilan dan keselamatan kerajaan	1
	F2	Menjamin kemakmuran Melaka melalui hubungan perdagangan dengan negara lain	1
	F3	Membantu Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam	1
	F4	Memperoleh perakuan tentang kedaulatan Melaka	1
	F5	Mengekalkan penguasaan terhadap aktiviti perdagangan di Selat Melaka	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]
(d)		<i>Beri komen anda terhadap pernyataan tersebut.</i>	
	K1	Malaysia mengamalkan prinsip Dasar luar Malaysia iaitu menyelesaikan konflik antara negara melalui rundingan	1
	K2	Malaysia juga mengamalkan pendekatan terbaik-baik dengan negara-negara luar	1
	K3	Malaysia turut menjalinkan hubungan yang erat dengan semua negara tanpa mengira ideologi	1
	M1	Imej negara akan meningkat	1
	M2	Ekonomi negara akan berkembang maju	1
	M3	Keselamatan negara terjamin	1
	M4	Pelaburan asing meningkat	1
	M5	Keamanan dunia dan negara terjaga	1
		[Mana-mana jawapan berkaitan]	
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]

5	Konflik dunia merangkumi Perang Dunia Kedua (1939-1945) di Eropah tercetus akibat daripada persaingan merebut kuasa politik dan ekonomi.		
(a)		Jelaskan latar belakang Perang Dunia Kedua.	
	F1	Berlaku di dua medan pertempuran	1
	F2	Berlaku di Eropah dan Asia Pasifik	1
	F3	Peperangan di Eropah tertumpu di Eropah dan Utara Afrika	1
	F4	Peperangan di Asia Pasifik tertumpu di Tanah Besar Asia	1
	F5	Berlaku di Kepulauan Asia Tenggara	1
	F6	Peperangan melibatkan dua pakatan	1
	F7	Melibatkan Kuasa Paksi dan Kuasa Bersekutu	1
	F8	Kuasa Paksi - Jerman/ Itali/ Jepun	1
	F9	Kuasa Bersekutu - Amerika Syarikat/ Britain/ Perancis/ Rusia	1
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]
(b)		Mengapakah Perang Dunia Kedua berlaku?	
	F1	Kemunculan ideologi baharu	1
	H1a	Akibat kemelesetan ekonomi	1
	H1b	Penduduk Itali/Jerman mengadakan gerakan politik radikal	1
	H1c	Gerakan dipimpin oleh pemimpin nasionalis berfahaman melampau/ fasisme di Itali dan nazisme di Jerman	1
	F2	Gerakan Fasisme	1
	H2a	Di bawah pimpinan Benito Mussolini	1
	H2b	Parti Fasis berjaya menguasai kerajaan Itali pada tahun 1922	1
	H2c	Memberi keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu	1
	H2d	Mempercayai nasionalisme melampau/ berperang bagi meningkatkan imej negara	1
	H2e	Itali meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia)/ Albania	1
	F3	Gerakan Nazisme	1
	H3a	Di bawah pimpinan Adolf Hitler	1
	H3b	Parti Nazi berjaya membentuk kerajaan di Jerman pada tahun 1933	1
	H3c	Nazisme mengagungkan bangsa Jerman	1
	H3d	Hitler berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengabaikan Perjanjian Versailles	1
	H3e	Hitler membina angkatan tentera semula	1
	H3f	Menduduki Rhineland/ wilayah yang hilang melalui perjanjian Versailles	1
	F4	Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles	1
	H4a	Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil dan menjejaskan kedaulatan negara	1
	H4b	Jerman kehilangan tanah jajahan/ terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi	1

	H4c	Jerman mengalami kemelesetan ekonomi/ inflasi yang teruk	1
	H4d	Itali menyertai Pakatan Bertiga kerana tidak berpuas hati dengan Perjanjian Versailles	1
	H4e	Itali tidak berpuas hati kerana tidak diberi tanah jajahan yang baharu seperti diperoleh Perancis dan Poland	1
	F5	Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa	1
	H5a	Liga Bangsa-Bangsa berusaha untuk mewujudkan Perjanjian Pelucutan Senjata	1
	H5b	Menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama	1
	H5c	Menyebabkan dunia terdedah kepada konflik berterusan dan mengakibatkan meletusnya Perang Dunia Kedua	1
	H5d	Krisis Manchuria 1931-1933/ Jepun menakluki Manchuria/ Wilayah di bawah penguasaan China	1
	H5e	Perjanjian Pelucutan Senjata 1932-1934/ Jerman keluar daripada Liga Bangsa-Bangsa/ memperbesarkan angkatan tentera	1
	H5f	Krisis Habsyah 1935-1936/ Itali menyerang Habsyah di Afrika	1
		(mana-mana 8 x 1m)	[8m]
(c)		Apakah mesej yang anda boleh sampaikan kepada pemimpin dunia pada hari ini untuk mengelakkan peperangan pada masa hadapan?	
	F1	Pemimpin negara perlu mengamalkan sikap bertolak ansur	1
	F2	Mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara	1
	F3	Bersikap proaktif dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain	1
	F4	Sentiasa meningkatkan kerjasama dalam bidang keselamatan negara	1
	F5	Bergiat aktif dalam menghantar misi bantuan kemanusiaan	1
	F6	Bertanggungjawab dan sentiasa mengamalkan sikap yang terbuka	1
	F7	Mementingkan rundingan antara pemimpin	1
	F8	Membantu negara-negara yang dilanda krisis kemiskinan dan kekurangan makanan	1
	F9	Mengekalkan keamanan dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat	1
	F10	Peka dengan situasi semasa yang berlaku dalam atau luar negara	1
	F11	Selesaikan konflik antara negara melalui rundingan	1
	F12	Membawa isu konflik yang tidak dapat diselesaikan ke pengetahuan PBB	1
	F13	Merujuk isu negara kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa	1
	F14	Kurangkan penggunaan senjata nuklear	1
	F15	Sentiasa mewujudkan forum keamanan sejagat	1
		[Mana-mana jawapan berkaitan]	
		(mana-mana 8 x 1m)	[8m]

6	Maklumat berikut merujuk gabungan pertubuhan PUTERA-AMCJA.		
(a)		Mengapakah PUTERA-AMCJA menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?	
	F1	Penubuhan Jawatankuasa Kerja dianggap tidak demokratik	1
	F2	Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu	1
	F3	Perwakilan Jawatankuasa Kerja hanya diwakili oleh UMNO, Raja-raja Melayu dan British	1
	F4	Mengukuhkan kedudukan British	1
	F5	Bersifat perkauman	1
	F6	Menganggap British tunduk kepada tuntutan UMNO	1
	F7	Mencadangkan Perlembagaan Rakyat	1
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]
(b)		Jelaskan kandungan Perlembagaan Rakyat.	
	F1	Tanah Melayu disatukan dengan Singapura	1
	F2	Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat	1
	H2	Majlis-majlis negeri yang dipilih bagi seluruh Tanah Melayu	1
	F3	Kewarganegaraan yang sama bagi semua orang	1
	H3a	Menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap	1
	H3b	Sanggup mencurahkan kesetiaan tanpa berbelah bahagi	1
	F4	Kedudukan Raja-raja Melayu	1
	H4a	Sebagai Raja Berperlembagaan yang bertanggungjawab kepada rakyat	1
	H4b	Menerima nasihat melalui Majlis Mesyuarat	1
	F5	Hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu	1
	H5	Diketuai sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas	1
	F6	Perhatian khas hendaklah diberikan	1
	H6	Terhadap kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu	1
	F7	Bahasa Melayu	1
	H7	Menjadi bahasa kebangsaan/ bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu	1
	F8	Hal ehwal luar negeri dan pertahanan	1
	H8	Menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British	1
	F9	Kewarganegaraan Malaya	1
	H9	Dinamakan Melayu	1
	F10	Warna merah dan putih	1
	H10	Dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu	1
		(mana-mana 8 x 1m)	[8m]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



(c)		Wajarkah tindakan PUTERA-AMCJA menganjurkan hartal tersebut? Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, beri alasan anda.	
		Tidak Wajar	1
	F1	PUTERA-AMCJA perlu menerima keputusan ramai	1
	H1	Menyokong penubuhan Persekutuan	1
	C1	Raja-raja Melayu, pemimpin UMNO dan rakyat	1
	I1	Menimbulkan huru-hara kepada negara	1
	F2	Ekonomi negara terjejas	1
	H2	Kegiatan ekonomi tidak dapat dijalankan	1
	C2	Kedai, pejabat, pusat ekonomi tidak dapat dibuka	1
	I2	Menjejaskan sumber pendapatan rakyat	1
	F3	Masalah perkauman akan berlaku	1
	H3	Kehidupan rakyat akan terjejas	1
	F4	Boleh melakukan bantahan dengan cara lain	1
	C4	Seperti mengutus surat kepada kerajaan British	1
	F5	Menimbulkan keadaan panik	1
	H5	Mendapatkan barang keperluan	1
	C5	Pembelian luar jangkaan	1
		Wajar	1
	F1	Tidak melibatkan peperangan	1
	H1	Menggunakan diplomasi	1
	C1	Hanya sekadar menjalankan kegiatan ekonomi	1
	I1	Tidak melibatkan kematian	1
	F2	Dapat menakutkan British	1
	H2	Menunjukkan kesungguhan rakyat menentang British	1
	F3	Mencapai keadilan	1
	H3	Melibatkan semua kaum bukan pada satu kumpulan sahaja	1
	H3a	Tanda boikot kepada pelaksanaan British	1
	H3b	Tidak menyeluruh kepada semua kaum di Tanah Melayu	1
		[Mana-mana jawapan berkaitan]	
		(mana-mana 8 x 1m)	[8m]

7	Maklumat berikut menunjukkan amalan sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan dalam sistem pentadbiran negara.		
(a)		Jelaskan amalan Demokrasi Berparlimen berikut:	
		(i) Amalan pilihan raya	
	F1	Elemen penting amalan demokrasi	1
	F2	Pilihan raya umum diadakan dalam tempoh lima tahun	1
	F3	Diadakan sejak negara mencapai kemerdekaan	1
	F4	Memberikan mandat untuk rakyat membentuk kerajaan	1
	F5	Memilih pemimpin berwibawa	1
	F6	Parti politik bertanding bagi mendapatkan mandat daripada rakyat untuk memerintah	1
	F7	Kempen pilihan raya memperkenalkan calon dan manifesto parti	1
	F8	Pengundi mendaftar sebagai pemilih	1
	F9	Pengundian telus dan sistematik	1
	F10	Undi adalah rahsia	1
	F11	Keabsahan kerajaan dipilih rakyat	1
	F12	Warganegara yang layak mengundi perlu menunaikan hak/tanggungjawab	1
		(mana-mana 3 x 1m)	[3m]
		(ii) Jaminan kebebasan asasi	
	F1	Kebebasan diri	1
	H1a	Hak seseorang individu di sisi undang-undang	1
	H1b	Tidak boleh diambil nyawa dan dilucutkan kebebasan dirinya	1
	H1c	Kecuali mengikut undang-undang	1
	F2	Kebebasan beragama	1
	H2a	Islam agama Persekutuan	1
	H2b	Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing	1
	F3	Hak berkenaan dengan pendidikan	1
	H3a	Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara	1
	H3b	Atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir	1
	F4	Kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan	1
	H4a	Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara	1
	H4b	Berhimpun secara aman	1
	H4c	Membentuk persatuan	1
		(mana-mana 3 x 1m)	[3m]

(b)		Terangkan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.	
	F1	Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran	1
	H1a	Kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu	1
	H1b	Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England	1
	H1c	Kombinasi terbaik dalam sosiopolitik yang mempunyai kepelbagaian bangsa/ agama / budaya	1
	F2	Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran	1
	H2a	Pemerintahan beraja mengimbangi amalan demokrasi	1
	H2b	Raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara	1
	H2c	Meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi	1
	H2d	Seperti pertikaian parti politik	1
	H2e	Pengasingan kuasa dalam pemerintahan iaitu perundangan/ eksekutif/ kehakiman	1
	H2f	Badan perundangan menggubal undang-undang / dilaksanakan oleh badan eksekutif / penyelesaian melalui badan kehakiman sekiranya timbul konflik	1
	F3	Kuasa budi bicara raja	1
	H3a	Kuasa raja iaitu tidak perlu mendengar nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu	1
	H3b	Pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong	1
	H3c	Pelantikan ketua kerajaan Negeri oleh raja dan Yang di-Pertua Negeri	1
	H3d	Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk tidak memperkenankan pembubaran Parlimen	1
	H3e	Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa untuk tidak memperkenankan pembubaran Dewan Undangan Negeri	1
	F4	Kerjasama politik	1
	H4a	Perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip tolak ansur/ perundingan/ pengorbanan	1
	H4b	Gabungan parti politik membentuk kerajaan	1
	H4c	Berkongsi kuasa dalam pemerintahan	1
	H4d	Contohnya, Parti Perikatan/ Barisan Nasional/ Pakatan Harapan	1
		(mana-mana 6 x 1m)	[6m]

(c)		<i>Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut.</i>	
	M1	Keunikan Demokrasi Berparlimen di negara kita	1
	M2	Parlimen merupakan badan perundangan tertinggi negara	1
	M3	Parlimen menggubal undang-undang	1
	M4	Parlimen disertai oleh ahli Parlimen yang dipilih melalui pilihan raya	1
	M5	Pilihan raya merupakan cabang kepada Demokrasi Berparlimen	1
	M6	Setiap rakyat Malaysia layak berhak untuk mengundi setiap kali pilihan raya	1
	M7	Pilihan raya di Malaysia dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya	1
	M8	Yang di-Pertuan Agong merupakan komponen dalam Parlimen	1
	M9	Pilihan raya di negara kita diadakan setiap lima tahun sekali bagi peringkat Persekutuan dan Negeri	1
	M10	Setiap ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri akan menunaikan mandat rakyat	1
	M11	Mewujudkan perpaduan antara kaum	1
	M12	Seperti Melayu, Cina , India	1
	M13	Toleransi antara kaum	1
	M14	Kedaulatan negara terjamin	1
		[Mana-mana jawapan berkaitan]	
		(mana-mana 8 x 1m)	[8m]

8	Pembentukan Sistem Persekutuan merupakan penerusan tradisi yang berakar umbi daripada pemerintahan beraja dan berkaitan dengan perluasan kuasa British di Tanah Melayu.		
(a)		Jelaskan latar belakang pembentukan Sistem Persekutuan tersebut:	
		(i) Kesatuan Malayan Union	1
	F1	British berusaha menyatukan pentadbiran di Tanah Melayu	1
	F2	Semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka disatukan	1
	F3	British ingin mewujudkan sebuah kerajaan kesatuan iaitu Malayan Union	1
	F4	Membayangkan pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat	1
	F5	Diketuai oleh seorang Gabenor British	1
	F6	Dilaksanakan dalam tempoh terhad	1
	F7	Ditentang oleh Raja-raja Melayu / Orang Melayu	1
	F8	Gagal dilaksanakan	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]
		(ii) Persekutuan Tanah Melayu 1948	
	F1	Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah NNS	1
	F2	Terbentuk melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948	1
	F3	Kesan kegagalan Malayan Union	1
	F4	Menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	1
	F5	Berlaku pengagihan kuasa peringkat persekutuan dan negeri	1
	F6	Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri ditetapkan oleh perlembagaan	1
	F7	Bermula era moden sistem Persekutuan di negara kita	1
	F8	Pesuruhjaya Tinggi British sebagai ketua Persekutuan	1
	F9	Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]
		(iii) Persekutuan Tanah Melayu 1957	1
	F1	Terbentuk pada 31 Ogos 1957 sebagai Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka	1
	F2	Berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957	1
	F3	Sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat dan berdaulat	1
	F4	Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan	1
	F5	Diperkukuhkan dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen	1
		(mana-mana 2 x 1m)	[2m]

(b)		<i>Terangkan faktor yang mengukuhkan Persekutuan di negara kita.</i>	
	F1	Prinsip Keluhuran Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi negara	1
	H1a	Mentakrifkan prinsip Persekutuan / pentadbiran negara	1
	H1b	Undang-undang digubal oleh Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan	1
	H1c	Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah	1
	H1d	Perlembagaan Persekutuan dijadikan rujukan utama apabila berlaku ketidakselarasan	1
	H1e	Undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang negeri jika tidak selaras	1
	F2	Adanya penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
	H2a	Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri	1
	H2b	Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri	1
	H2c	Bincang pelaksanaan dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan	1
	H2d	Penubuhan Majlis Negara	1
	H2e	Untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
	H2f	Majlis Kewangan Negara	1
	H2g	Mentadbir hal ehwal berkaitan kewangan	1
	C2g	Pemberian wang/ bayaran cukai/ pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri	1
	H2h	Majlis Tanah Negara	1
	H2i	Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah	1
	H2j	Untuk kegiatan pertanian/ perlombongan/ perhutanan	
	H2k	Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan	1
	H2l	Menjadi badan perundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
	H2m	Untuk membangunkan Kerajaan Tempatan	
	H2n	Penubuhan Majlis Khas oleh kerajaan	1
	H2o	Menjadi penghubung antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	1
	C2o	Majlis Keselamatan Negara/ Majlis Perumahan Negara/ Majlis Air Negara	1
		<i>[Mana-mana jawapan yang berkaitan]</i>	
		(mana-mana 6 x 1m)	[6m]

(c)		<i>Huraikan maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut dan apakah kesannya jika hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak sehaluan?</i>	
		<i>Maklumat yang terkandung dalam petikan:</i>	
	M1	Kerajaan Negeri penting sehaluan dengan Kerajaan Persekutuan	1
	M2	Menyegerakan usaha mencapai sasaran menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi	1
	M3	Pertumbuhan ekonomi negeri mudah dipercepatkan	1
	M4	Pulau Pinang lebih mudah maju kerana matang	1
	M5	Mempunyai infrastruktur serta rekod yang baik	1
	M6	Memiliki pemain industri daripada kalangan pihak swasta	1
		<i>Kesan jika hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak sehaluan:</i>	
	K1	Negara lambat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi	1
	K2	Pertumbuhan ekonomi perlahan	1
	K3	Pengangguran meningkat	1
	K4	Kemajuan kemudahan asas terhad	1
	K5	Pelabur tidak berminat untuk melabur	1
	K6	Teknologi tidak berkembang	1
	K7	Pembangunan negeri terjejas	1
	K8	Taraf hidup rakyat terganggu	1
		<i>[Mana-mana jawapan yang berkaitan]</i>	
		(mana-mana 8 x 1m)	[8m]

Panduan Pemarkahan:	
8 markah	- Jawapan hendaklah lengkap dan mempunyai 4 maklumat dan 4 kesan. - Sekiranya calon memberikan jawapan : 6 maklumat dan 2 kesan juga mendapat markah penuh atau sebaliknya.
4-5 markah	- Jawapan calon yang menyatakan jawapan sebahagian sahaja akan diperuntukkan 4 markah sahaja . - Contoh, calon hanya menulis 4 maklumat tanpa memberikan kesan atau jawapan yang sebaliknya.
1 markah	Sekiranya calon menyalin secara penuh petikan tersebut tanpa penanda wacana.

9	Rajah berikut berkaitan langkah-langkah ke arah perpaduan kaum.		
(a)		<i>Apakah langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan Bahasa Melayu?</i>	
	F1	Mewujudkan Akta Bahasa Kebangsaan / Akta 32	1
	H1a	Segala urusan rasmi kerajaan menggunakan bahasa Melayu	1
	H1b	Bahasa Melayu digunakan dalam mana-mana mahkamah di Malaysia kecuali keterangan saksi	1
	F2	Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran	1
	F3	Memperkasakan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan	1
	H3a	Bahasa pengantar utama di sekolah	1
	C3	Sekolah Alam Shah / Sekolah Seri Puteri / Kolej Sultan Abdul Halim	1
	F4	Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia	1
	H4a	Menubuhkan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) / Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)	1
	F5	Menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka	1
	H5a	Mengembangkan bahasa dan sastera Melayu	1
	H5b	Penerbitan buku dan majalah / risalah	1
	H5c	Menganjurkan seminar / bengkel	1
	H5d	Sempena Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan	1
	H5e	Memperkenalkan slogan ‘ Bahasa Jiwa Bangsa’	1
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]
(b)		<i>Jelaskan pelaksanaan langkah-langkah berikut:</i>	
		(i) Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK)	1
	F1	Dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui aspek kesenian dan kebudayaan	1
	F2	Menjadi garis panduan masyarakat bagi membentuk dan mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia	1
	F3	Mempunyai prinsip utama	1
	H3a	Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang DKK	1
	H3b	Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima sebagai elemen penting	1
	H3c	Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan DKK	1
	F4	Matlamat DKK mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan	1
	H4a	Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang terhasil daripada kebudayaan kebangsaan	1
	H4b	Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi	1
	F5	Dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan/Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara/Majlis	1

		Kebudayaan Negeri/Istana Budaya/Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	
	F6	Dijelmakan melalui program yang melibatkan pelbagai budaya dan kaum	1
	C6	Citrawarna Malaysia	1
	H6	Program yang dijalankan seperti memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia	1
	F7	Melahirkan ramai tokoh dan penggiat budaya yang tersohor	1
	H7	Memberikan sumbangan terhadap proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan bangsa	1
	C7	Azah Aziz/ Hamzah Dolmat/ Samuel Dass/ Lim Swee Tin/ Shuhaibun Yussuf/ Mathew Ngau Jau	1
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]
		(ii) Rukun Negara	
	F1	Dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969	1
	F2	Hasil perbincangan/ pemikiran Majlis Perundangan Negara (MAPEN) pada 29 Januari 1970	1
	F3	Diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970	1
	F4	Rukun Negara bermatlamat untuk menyatukan/ membimbing rakyat ke arah perpaduan	1
	F5	Mengandungi prinsip hidup masyarakat yang mengandungi nilai kenegaraan/ norma sosial	1
	F6	Mencakupi seluruh aspek kehidupan bernegara seperti politik/ ekonomi/ agama/ budaya/ perundangan	1
	F7	Menggariskan ikrar yang perlu dihayati oleh warganegara Malaysia/ dianggap falsafah hidup rakyat Malaysia	1
	F8	Pada tahun 2020, genaplah 50 tahun Rukun Negara dicipta	1
	F9	Mempunyai lima prinsip	1
	F10	Kepercayaan kepada Tuhan/ Kesetiaan kepada Raja dan Negara/ Keluhuran Perlembagaan/ Kedaulatan Undang-undang/ Kesopanan dan kesusilaan	1
	F11	Mempunyai matlamat yang jelas	1
	F12	Mewujudkan masyarakat demokratik/ negara bersatu/ masyarakat adil/ masyarakat progresif / masyarakat liberal	1
	F13	Melahirkan negara yang rakyatnya hidup bersatu padu, aman dan sejahtera	1
		[Mana-mana jawapan yang berkaitan]	
		(mana-mana 4 x 1m)	[4m]

(c)		<i>Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah kerajaan bersungguh-sungguh memberi fokus kepada perpaduan negara?</i>	
	F1	Menjamin keamanan negara	1
	F2	Mengukuhkan kestabilan politik negara	1
	F3	Membentuk identiti nasional	1
	F4	Melahirkan rakyat yang mempunyai jati diri yang kuat	1
	F5	Mewujudkan masyarakat yang patriotik	1
	F6	Melahirkan masyarakat yang saling hormat-menghormati	1
	F7	Melahirkan rakyat yang sentiasa bertanggungjawab	1
	F8	Melahirkan rakyat yang sentiasa patuh kepada undang-undang	1
	F9	Meningkatkan imej negara di persada dunia	1
	F10	Mengelakkan perbalahan antara kaum	1
	F11	Membentuk masyarakat yang progresif dan terbuka	1
	F12	Mengelakkan campur tangan musuh dalam negara	1
		<i>[Mana-mana jawapan yang berkaitan]</i>	
		(mana-mana 8 x 1m)	[8m]

PANDUAN PEMARKAHAN SECARA HOLISTIK

Aras 4:	7-8
Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas	
Bukti/ contoh sangat sesuai	
Membuat inferens yang tepat	
Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci	
Komunikasi/ pengolahan sangat menarik	
Aras 3:	5-6
Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas	
Bukti/contoh sangat sesuai	
Membuat inferens	
Jawapan mendalam	
Komunikasi/pengolahan menarik	
Aras 2:	3-4
Pengetahuan dan pemahaman yang jelas	
Jawapan kurang mendalam	
Menyatakan hujah secara ringkas	
Aras 1:	1-2
Pengetahuan dan pemahaman terhad	
Jawapan secara umum	

SKEMA JAWAPAN TAMAT